

VERSI KEMAS KINI

Koleksi 'Soal & Jawab'
Seminar & Dialog

**CUKAI BARANGAN DAN
PERKHIDMATAN (GST)
Bagi Sektor Industri Sawit : Siri 1**

Bahagian Ekonomi & Pembangunan Industri
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Lot 6, SS 6, Jalan Perbandaran
47301 Kelana Jaya.

Mac 2015

Koleksi 'Soal & Jawab'

Seminar dan Dialog Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) Bagi Sektor Industri Sawit : Siri 1

Tarikh	: 18 Disember 2014 (Khamis)
Tempat	: Dewan Sawit, MPOB
Moderator	: En. Balu Nambiappan
Wakil MPOB /	: En. Ayatollah Khomeini A. Rahman
Jabatan Kastam DiRaja Malaysia	: Pn. Rokiah Embong Pn. Juriah Noor Juhari Pn. Sabariah Md Yusof Pn. Nurmildewati Tunjol

Soal Jawap Dialog Sesi Pagi

- 1) **En. Tan Soo Kang (MOPNA):** Isu berkaitan hutang lapuk. Sekiranya pembeli membuat pembelian secara hutang dan akhirnya mengalami bankrap sekaligus tidak dapat membuat pembayaran terhadap belian tersebut. Bagaimana untuk membuat tuntutan GST jika situasi begini berlaku?

Bagi kes hutang lapuk bayaran balik GST boleh dituntut dari Jabatan Kastam pada bulan ketujuh. Untuk keterangan lanjut sila rujuk DG Decision bil 5/2015 dengan melayari GST portal www.gst.customs.gov.my.

- 2) **En. Mohd Jaafar Ahmad (PORAM):** Berpandukan kepada slide penceramah yang dibentangkan, bagaimana kilang penapis minyak sawit dikatakan akan memperoleh lebih bayaran cukai input GST dari Kastam?

Pada asasnya, produk sawit yang dihasilkan oleh kilang penapis lebih berorientasikan penghasilan produk sawit untuk dieksporth. Oleh yang demikian, kilang penapis tidak dikenakan cukai output (GST 0%) apabila mengeksporth produk tersebut tetapi masih layak untuk menuntut cukai input (GST 6%). Pembelian bahan mentah sebagai input yang besar (seperti CPO dan CPKO) menyebabkan jumlah cukai inputnya (GST 6%) adalah tinggi. Perbezaan cukai output (GST 0%) berbanding cukai input (GST 6%) akan menjadi negatif. Oleh itu, kilang penapis akan memperoleh lebih bayaran cukai input (GST 6%) daripada Jabatan Kastam.

- 3) **Puan Cindy (Felcra Jaya Samarahan):** Berpandukan kepada jawapan spesifik pelaksanaan GST bagi industri sawit di Malaysia yang telah disediakan, cukai jualan (sales tax) sebanyak 7.5% yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Sabah tidak akan dikenakan GST 6% apabila pelaksanaan GST pada 1 April 2015. Bagaimana pula dengan cukai jualan (sales tax) yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak?

Perlaksanaan GST hanya akan menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. GST tidak akan menggantikan atau menghapuskan cukai jualan (sales tax) ke atas kelapa sawit yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Sabah (7.5%) dan Sarawak (5%). Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kastam tetap akan mengenakan GST kepada pengusaha sawit di Sabah dan Sarawak disamping kutipan cukai jualan (sales tax) yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Sabah(7.5%) dan Sarawak (5%).

- 4) **Puan Chris (Unitata Berhad):** Berkaitan dengan isu tempoh 21 hari bagi pengeluaran inbois. Bagaimana caranya jika pembekal tidak dapat mengeluarkan invoice dalam masa 21 hari?

Persatuan diminta untuk menulis dan memohon kelulusan dari Ketua Pengarah Jabatan Kastam bagi mendapatkan kebenaran mengeluarkan invoice pembekalan selepas 21 hari. Perkara ini berkaitan Perkara 11(6), Akta GST 2014. Permohonan hendaklah dibuat secara berasingan dan tidak boleh bercampur dengan permohonan isu-isu yang lain.

- 5) **Puan Aveline Ong (IOI Edible Oil Sdn. Bhd):** Isu berkaitan pengeluaran invoice cukai. Alamat premis mana yang perlu digunakan untuk tujuan pembayaran balik dari Jabatan Kastam. Adakah alamat premis estet atau alamat yang didaftarkan semasa kelulusan permohonan GST. Adakah ia akan menjejaskan dalam membuat tuntutan GST?

Alamat premis seperti mana yang didaftarkan semasa permohonan GST.

- 6) **Puan Mary Cheng (Vance Bioenergy Sdn Bhd):** Syarikat telah mempunyai kontrak bagi kerja pembinaan loji. Pembinaan loji telah siap tetapi masih dalam warranty period dan kontrak dengan pihak kontraktor akan tamat pada Disember 2015. Adakah retention money / wang tahanan yang akan dibayar pada Disember 2015 nanti akan dikenakan GST?

Prinsipnya semua kontrak atau apa-apa bayaran sebelum 1 April 2015 tidak boleh dikenakan GST. Walau bagaimanapun, apa-apa baki kerja atau bayaran termasuk 'retension fees' yang masih berjalan selepas 1 April 2015, perlu dikenakan GST 6%.

- 7) **En. Wong (mewakili Peniaga FFB):** Mengikut slide penceramah, bilangan peniaga FFB sehingga bulan November 2014 adalah 2,860 pengusaha. Memandangkan jumlah peniaga FFB adalah kecil, dicadangkan agar Jabatan Kastam dapat mengurangkan kadar GST 6% kepada GST 4% dan nilai ambang (threshold) melebihi RM500,000 kepada kurang RM200,000 setahun?.

Seminar dan dialog GST ini adalah bertujuan untuk memberi lebih pemahaman pelaksanaan GST diantara pemain industri sawit dengan Jabatan Kastam. Cadangan yang diutarakan tidak sesuai dibincangkan di forum ini kerana akta GST telah diluluskan oleh Parlimen.

- 8) **Puan Michelle Goh (Oleo Palm):** Adakah produk RBD Palm Olein diletakkan di bawah pembekalan berkadar sifar (GST 0%) seperti minyak masak seperti di bawah penakrifan HS Kod Kastam 1511.90.910?

Hanya minyak masak dibungkus dalam bungkusan untuk jualan secara runcit di pasaran tempatan yang kurang dari 20kg adalah berkadar sifar.

- 9) **En. Kee Than Hai (PPB Oil Palm):** Bolehkah hanya satu tax inbois dikeluarkan keatas barang-barang yang dibeli secara kredit oleh pekerja-pekerja dikedai ladang?

Boleh sekiranya barangan tersebut dibeli secara kredit dalam bulan yang sama.

- 10) **Puan Mary Cheng (Vance Bioenergy Sdn Bhd):** Adakah mengadakan Hari Keluarga Syarikat seperti memberi anugerah dan hadiah (door-gift) kepada pekerja syarikat dikenakan GST?

Pemberian anugerah atau hadiah hanya dihaskan kepada pekerja syarikat sahaja, tidak termasuk ahli keluarga. Seorang pekerja syarikat hanya layak menerima anugerah atau hadiah tidak lebih daripada RM500 setahun tertakluk kepada peraturan hadiah. Jikalau di bawah RM500 tidak perlu mengakuangkan cukai output dan layak menuntut cukai input. Maklumat lanjut sila layari GST portal (DG Decision 2/2014) "Gift rule".

- 11) **En. Tan (mewakili Pekebun Kecil):** FFB adalah bahan mentah/asas untuk dijadikan minyak masak. Oleh itu dicadangkan untuk meletakkan FFB di bawah pembekalan berkadar sifar (GST 0%). Apakah asas yang digunakan oleh Jabatan Kastam sebagai barang-barang di bawah pembekalan berkadar sifar?

Hanya barang-barang kegunaan asas yang tertakluk kepada GST berkadar sifar. FFB tidak boleh dikategorikan sebagai barangan asas kerana perlu melalui proses pengilangan untuk dijadikan minyak masak. Oleh itu, ianya dikategorikan dibawah barangan komoditi yang bernilai.

Group Rapporteur : En. Kamaruddin Mohd Idris
: Puan Nazlin Ismail
: En. Nik Abdullah Nik Idris
: En. Ali Zulhusni Ali Nordin
: Puan Ainul Hani Abu Bakar
: Puan Siti Mashani Ahmad

(Sesi Dialog:Kumpulan 1)

Seminar dan Dialog Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) Bagi Sektor Industri Sawit : Siri 1

Tarikh	: 18 Disember 2014 (Khamis)
Tempat	: Dewan Sawit, MPOB
Moderator	: Pn. Norihan Husain
Fasilitator	: Pn. Sabariah Md Yusof Pn. Aminah Manap Pn. Angamah Nanjapan
Rapporteur	: M Ayatollah Ab Rahman Dayang Nazrima Shahari Jusoh Latif Nur Aizan Amirolmokmenin Honey Irmawati Hamzah
Peserta	: Pengeluar Biji Benih, Pengusaha Tapak Semaian, Pekebun Kecil, Estet, Peniaga Buah Sawit, Kilang Buah Sawit dan Kilang Pelumat Isirung

Soalan (1): Haji Zulkefli (NASH)

- (i) Adakah permohonan pendaftaran Skim Kadar Rata (SKR) bagi pekebun kecil sawit boleh dibuat secara berkelompok?

Permohonan SKR bagi pekebun kecil sawit tidak boleh dibuat secara berkelompok. Permohonan pendaftaran SKR hendaklah dibuat secara atas talian secara individu.

- (ii) Adakah pekebun kecil sawit tersusun (peneroka FELDA) layak memohon SKR? Sekiranya layak, bagaimanakah cara untuk memohon mendaftar SKR?

Layak sekiranya berdaftar dengan salah satu 16 agensi yang telah ditetapkan seperti dalam Jadual Ketiga Peraturan-peraturan GST 2014 dan tertakluk kepada kelulusan KP Kastam.

Soalan (2): Mr. Ng (MOPNA)

Pihak nurseri sawit akan melakukan penakaian terhadap anak benih sawit yang bermasalah. Bagaimanakah prosedur tuntutan GST bagi anak benih yang telah ditakai tersebut?

Masalah tuntutan cukai input bagi pembelian biji benih cambah boleh dilakukan oleh pihak nurseri sebaik sahaja penghantaran penyata (GST-03) dilakukan dan tidak perlu menunggu sehingga anak benih sawit tersebut terjual. Ini bermakna keseluruhan cukai input yang ditanggung boleh dituntut oleh pengusaha walaupun terdapat anak benih sawit yang perlu ditakai sebelum dijual. Kos penakaian anak benih telah dimasukkan dalam kos pengeluaran. Oleh itu, harga jualan anak benih sawit telah mengambil kira margin keuntungan dan kos pengeluaran serta GST 6% (cukai output) dikenakan ke atas harga jualan tersebut.

Pihak nuseri sawit boleh menuntut cukai input yang ditanggung sekiranya dia berdaftar dengan GST dan mempunyai invoice cukai yang sah walaupun anak pokok tersebut masih belum terjual.(No matching mechanism).

Soalan (3):

Apakah syarat pengeluaran invoice cukai mudah (simplified tax invoice)?

Tiada syarat yang spesifik ditetapkan bagi maksud pengeluaran invoice cukai mudah. Invoice Cukai Mudah adalah invoice cukai yang menggugurkan satu atau beberapa butiran yang ditetapkan atas kebenaran Ketua Pengarah. Perlu memohon secara on-line kepada Pusat Pemprosesan GST, di JKDM WPKL. Invoice cukai boleh mengandungi butiran yang terdiri daripada pelbagai jenis pembekalan. Perlu mempunyai penunjuk yang membezakan antara pelbagai pembekalan. Amaun GST yang boleh dituntut menggunakan invoice cukai mudah adalah RM30.00 ke bawah. Sekiranya, amaun GST, >RM30, perlu menggunakan invoice cukai penuh. Pembeli boleh memohon untuk mendapatkan invoice cukai penuh dari penjual sekiranya pembeli adalah orang berdaftar GST dan ingin menuntut cukai input.

Soalan (4): PP Oil Mills

- (i) Adakah pihak pengilang yang menggunakan bahan buangnya seperti tempurung sawit mesti direkodkan? Jika ya bagaimanakah caranya?

Jika bahan atau sisa buangan tersebut mempunyai nilai komersil, dan pihak pengilang menjual bahan buangan tersebut, maka GST perlu dikenakan dan perlu di akaunkan sebagai cukai output. Sekiranya pihak pengilang tidak menjual bahan buangnya dan hanya digunakan sendiri bagi maksud pengeluaran produk akhir maka ianya tidak perlu direkodkan.

- (ii) Adakah pembinaan rumah untuk pekerja oleh pengusaha estet sawit dibenarkan bagi maksud tuntutan cukai input?

Pembinaan rumah untuk pekerja merupakan faedah pekerja yang diberikan oleh syarikat kepada pekerjanya. Apabila pihak pengurusan estet ada menyatakan dalam kontrak dengan jelas bahawa kediaman percuma akan diberikan kepada pekerjanya maka tuntutan cukai input ke atas pembinaan rumah kediaman tersebut adalah dibenarkan. Ini kerana pihak estet membekalkan perkhidmatan kepada pekerjanya dan merupakan perbelanjaan syarikat bagi meneruskan perniagaannya (for furtherance of business)

- (iii) Oleh kerana jualan sawit tidak dapat memenuhi tuntutan 21 hari, bolehkah industri sawit dikecualikan terus dari peraturan pengeluaran invoice 21 hari ini?

Persatuan diminta untuk menulis dan memohon kelulusan dari Ketua Pengarah Jabatan Kastam bagi mendapatkan kebenaran mengeluarkan invoice pembekalan selepas 21 hari. Perkara ini berkaitan Perkara 11(6), Akta GST 2014. Permohonan hendaklah dibuat secara berasingan dan tidak boleh bercampur dengan permohonan isu-isu yang lain.

Soalan (5):

Jika pengusaha estet membina rumah kediaman untuk pekerjanya, adakah estet tersebut tergolong dalam pengeluar pembekalan bercampur (mixed supply)?

Sekiranya, rumah kediaman tersebut disewakan kepada pekerjanya maka pengusaha estet tersebut tergolong dalam pembekalan bercampur. Ini bermakna tuntutan cukai input ke atas pembinaan rumah tersebut tidak layak dituntut olehnya. Namun sekiranya, pembinaan rumah tersebut diberikan secara percuma kepada pekerjanya dan dinyatakan dengan jelas dalam kontrak antara majikan dan pekerja maka cukai input yang ditanggung layak dituntut kembali dan pengusaha estet tersebut tidak tergolong dalam kategori pembekalan bercampur.

Soalan (6): IOI

Adakah apa-apa produk sampingan yang dikeluarkan oleh pihak pengilang BTS adalah berkadar standard?

Sekiranya, setiap produk sampingan yang dikeluarkan tersebut mempunyai harga pasaran dan dijual maka ianya adalah berkadar standard (GST 6%). Contohnya EFB yang mempunyai nilai pasaran apabila dijual perlu

dikenakan GST 6% ke atas harga jualannya. Tetapi sekiranya tidak dijual dan hanya dilupuskan tidak perlu direkodkan.

Soalan (7): Steven Yup

Kilang kelapa sawit pada asasnya mengeluarkan produk iaitu CPO (minyak sawit mentah). Dari proses yang dijalankan akan menghasilkan waste (sisasawit). Waste walaupun mungkin mempunyai value (nilai) bagi peringkat seterusnya tetapi kebiasaannya hanya akan dibuang / lupus atau digunakan semula pada boiler untuk kegunaan kilang. Beliau menegaskan kepada pihak Jabatan Kastam bahawa mereka perlu faham, waste atau sisa bukan produk oleh kilang dan ianya tidak patut dikenakan GST. Adalah dicadangkan hanya produk utama sahaja yang dikeluarkan oleh pihak pengilang BTS (CPO dan PK) yang dikenakan GST 6%. Sebaliknya, produk sampingan yang dikeluarkan oleh pihak pengilang BTS tidak dikenakan GST kerana harganya yang sangat rendah dan kadang-kadang tiada permintaan.

Sisa sawit sekiranya mempunyai nilai komersial sekiranya dijual tertakluk kepada GST. Sekiranya digunakan sendiri dalam proses pengilangan tidak dikenakan GST. Sisa sawit tidak akan dikenakan GST sekiranya ia dibuang/ dilupuskan kerana tiada apa-apa nilai/ dapatan daripada pembuangan/ pelupusan sisa sawit tersebut. Pembuangan/ pelupusan tersebut tidak perlu direkodkan kerana dia bukan aset kepada syarikat.

Soalan (8):

Pembelian kereta bagi kegunaan Pengurus syarikat adakah dibenarkan menuntut cukai input?

Pembelian kenderaan bagi maksud kegunaan pengurus syarikat merupakan input cukai yang disekat. Oleh itu, tidak dibenarkan membuat tuntutan cukai input.

Soalan (9): Mr. Tan (MOPNA)

Pengeluaran invoice 21 hari perlu dibuat apabila pembekalan telah dilaksanakan. Persatuan dibenarkan membuat permohonan untuk pengecualian. Adakah MPOB boleh mewakili industri sawit bagi memohon pengecualian tersebut?

Persatuan diminta untuk menulis dan memohon kelulusan dari Ketua Pengarah Jabatan Kastam bagi mendapatkan kebenaran mengeluarkan invoice pembekalan selepas 21 hari. Perkara ini berkaitan Perkara 11(6), Akta GST 2014. Permohonan hendaklah dibuat secara berasingan dan tidak boleh bercampur dengan permohonan isu-isu yang lain.

Soalan (10):

Adakah pembayaran Levi Keuntungan Luar Biasa akan dikenakan GST 6%?

Pembayaran levi tidak tertakluk kepada GST.

Soalan (11):

(i) Bagaimanakah status progress payment selepas pelaksanaan GST pada 1 April 2015? Adakah perjanjian mengenai pembayaran GST perlu dinyatakan dalam kontrak?

Pembayaran progress payment akan dikenakan GST selepas pelaksanaan GST. Sebaik-baiknya pembekal dan pembeli hendaklah menyatakannya dalam kontrak.

(ii) Adakah pengubahsuaian format full tax invoice dibenarkan berbanding contoh yang diberikan?

Dibenarkan asalkan ia menepati ciri-ciri full tax invois seperti yang termaktub dalam Butiran 22 Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 seperti berikut:

- 1. Perkataan "Invois Cukai" dinyatakan jelas***
- 2. No. Siri Invois***
- 3. Tarikh Invois***
- 4. Nama dan Alamat serta No. Pengenalan GST Pembekal***
- 5. Nama dan Alamat Pelanggan***
- 6. Petunjuk untuk Pembekalan Berkadar Standard, sifar dan dikecualikan, kuantiti barang***
- 7. Perihal Barang Dibekalkan***
- 8. Apa-apa diskaun yang ditawarkan***
- 9. Jumlah Amaun Kena Bayar tidak termasuk GST***
- 10. Jumlah Amaun Kena Dibayar termasuk GST***
- 11. Apa-apa amaun yang dinyatakan dalam mata wang asing.***

Soalan (12):

Sekiranya, pekebun kecil telah menyerahkan kebun sawitnya untuk diuruskan oleh syarikat/koperasi adakah layak untuk memohon mendapatkan Skim Kadar Rata?

Tidak layak kerana memohon SKR kerana kebun tidak lagi diusahakan oleh pekebun kecil itu sendiri.

Soalan (13):

Pihak syarikat telah mencuba mendaftar perniagaan secara sukarela tetapi telah ditolak. Syarikat adalah baru ditubuhkan oleh itu tiada lagi perolehan yang dicatatkan?

Syarikat yang baru ditubuhkan tidak boleh memohon untuk mendaftar GST secara sukarela kerana pendapatannya sifar. Ini menyebabkan permohonannya akan ditolak. Sebaliknya, permohonan mendaftar GST hendaklah menggunakan kaedah biasa tetapi jumlah perolehan adalah menggunakan kaedah jangkaan perolehan pada tahun hadapan.

Soalan (14):

Bagaimanakah kaedah untuk mengenakan caj GST 6% ke atas pembayaran pendahuluan kerana tiada invois yang dikeluarkan?

Sekiranya pendahuluan merupakan sebahagian dari pembekalan yang dibuat maka ia tertakluk kepada GST.

Soalan (15):

(i) Adalah dicadangkan supaya pihak Jabatan Kastam dapat mengemukakan senarai penuh barang yang di kategorikan di bawah barangan berkadar sifar, berkadar standard dan diberi pengecualian bagi memudahkan pihak industri membuat rujukan.

Pihak industri boleh merujuk kepada Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (pembekalan berkadar sifar) 2014 dan Perintah Cukai barang dan Perkhidmatan (pembekalan yang dikecualikan) 2014. Sekiranya barang dan perkhidmatan tidak tertakluk kepada mana-mana kedua-dua perintah ini, bermakna barang atau perkhidmatan tersebut adalah berkadar standard 6%.

Rujukkan boleh dibuat dengan melayari GST portal.

(ii) Bolehkan pihak Jabatan Kastam mengeluarkan contoh inbois cukai yang lengkap untuk rujukan?

Format inbois cukai (tax invoice) tidak ditetapkan oleh pihak Jabatan Kastam dan ia bergantung kepada pihak industri sendiri, Cuma perlu pastikan maklumat yang penting seperti nombor pendaftaran GST dan sebagainya adalah lengkap. Pihak industri perlu memastikan invois cukai mengandungi 11 kriteria seperti yang termaktub dalam Butiran 22 Peraturan-peraturan

Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 seperti berikut:

1. Perkataan "Invois Cukai" dinyatakan jelas
2. No. Siri Invois
3. Tarikh Invois
4. Nama dan Alamat serta No. Pengenal GST Pembekal
5. Nama dan Alamat Pelanggan
6. Petunjuk untuk Pembekalan Berkadar Standard, sifar dan dikecualikan, kuantiti barang
7. Perihal Barang Dibekalkan
8. Apa-apa diskaun yang ditawarkan
9. Jumlah Amaun Kena Bayar tidak termasuk GST
10. Jumlah Amaun Kena Dibayar termasuk GST
11. Apa-apa amaun yang dinyatakan dalam mata wang asing.

Pihak industri boleh merujuk kepada Panduan Industri yang telah dimuatnaik oleh Jabatan Kastam di www.gst.customs.gov.my

Soalan (16):

Adakah apabila GST telah dilaksanakan kesahihan no. Pendaftaran GST / SKR boleh disemak dalam website Kastam?

Apabila GST telah dilaksanakan pada 1 April 2015, kesahihan nombor pendaftaran GST / SKR boleh disemak oleh pembeli dalam website Kastam seperti tertera di bawah.

The screenshot displays the official website for Malaysia's Goods & Services Tax (GST). At the top, it identifies itself as the 'Official Website MALAYSIA GOODS & SERVICES TAX (GST)' under the 'Royal Malaysian Customs Department'. The 'TAP TAXPAYER ACCESS POINT' logo is prominently featured, along with the tagline 'A BETTER TAX SYSTEM'. The main content area includes a navigation menu on the left, a central banner with a photograph of a market scene and the text 'Not everything gets taxed, basic necessities are still free of GST', and a login section with fields for 'Email Address' and 'Password'. Below the login fields are buttons for 'Log in' and 'Sign up', along with a 'Forgot My Password' link. To the right of the login section is a 'I Want To' dropdown menu with options: 'Register For GST', 'Apply for Registration Exemption', 'Make a Payment', and 'Apply for Flat Rate Scheme'. Further right is a 'Common Questions' section with links for 'What is TAP?', 'FAQ (pdf)', 'What Can I Do in TAP?', and 'Why Should I Sign Up?'. At the bottom right, there is a 'Search' section with a 'Retrieve Saved Request' link and a 'Lookup Application Status' link.

Soalan (17):

Adakah syarikat yang telah berdaftar GST layak mengeluarkan invoice bil sendiri (self bill invoice) kepada penjual BTS?

Pengeluaran invoice bil sendiri mestilah mendapatkan kelulusan kedua-dua belah pihak iaitu penjual dan pembeli yang berdaftar dengan GST. Permohonan hendaklah melalui Ketua Pengarah Kastam. Bagi pengeluaran invoice bil sendiri kepada pekebun kecil untuk SKR, pekebun tersebut hendaklah berdaftar di bawah SKR dan telah diluluskan permohonannya oleh Kastam.

(Sesi Dialog Kumpulan 2)

Seminar dan Dialog Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) Bagi Sektor Industri Sawit: Siri 1

SESI DIALOG (PETANG)

BILIK SEMINAR 2 & 3, AOTD

KUMPULAN 2 : KILANG PENAPIS, PEMBUNGKUS SEMULA MINYAK MASAK,
PENGEKSPORT

Moderator	: En. N. Balu
Jabatan Kastam DiRaja Malaysia	: Tuan Khairul Nizam bin Othman : Tuan Mohd Faizul Anuar bin Yahya
Rapporteur	: Norfadilah Hashim : Kamalrudin Mohamed Salleh : En. Ali Zulhusni Ali Nordin : Nazlin Ismail : Khairina Ahmad Khir

Soal Jawab Dialog

(Berpandukan kepada slide yang dibentangkan oleh ahli-ahli PORAM).

Soalan 1: CPO listed as Zero Rated Item. PORAM mencadangkan agar pengecualian cukai input (0% input tax) diberikan atau dikecualikan daripada membayar GST (exemption) apabila membeli CPO. Ini adalah kerana pengeksport atau 'traders' bakal menghadapi kesukaran dalam hal-hal pentadbiran (administrative problem) untuk membuat tuntutan cukai input dan masalah aliran tunai (cash flow problem) dalam menunggu tuntutan dibayar semula kepada mereka. Ini akan memberi kesan terhadap aktiviti perniagaan mereka.

Jawapan / Maklumbalas pihak Kastam:

Cadangan yang diberikan tidak dapat dipertimbangkan kerana peraturan pembekalan berkadar sifar telahpun digazetkan di parlimen. Masalah aliran tunai bukan hanya akan melibatkan industri sawit sahaja malahan semua industri dijangka akan terlibat terutamanya pada permulaan GST dilaksanakan. Menyedari masalah yang bakal dihadapi industri dan dalam meminima kesan peraksanaan GST, Pihak Kastam telah membangunkan

sistem myGST di mana pihak kastam memberi jaminan untuk membayar segala tuntutan lebih cukai input dalam tempoh 14 hari bekerja untuk penghantaran penyata secara dalam talian (on-line) dan 28 hari bekerja untuk penghantaran penyata secara manual.

Cukai input hanya akan dipulangkan oleh pihak Kastam setelah menolak baki duty import, GST, jualan dan lain-lain cukai sekiranya ada.

Soalan 2: “Bon Am” or “Performance Bond” for Palm Oil Products Export. PORAM mencadangkan penggunaan “Bon Am” (kontra) bagi mengurangkan proses membuat tuntutan cukai input kepada pihak Kastam dan menunggu bayaran balik cukai input daripada kastam. Ini adalah kerana proses boleh memberi kerugian kepada syarikat yang mana jumlah aliran tunainya melibatkan jumlah yang besar.

Jawapan / Maklumbalas pihak Kastam:

Pihak Kastam tidak dapat memberikan maklumbalas terhadap cadangan ini kerana ianya melibatkan polisi dan seperti sedia maklum GST telah diwartakan (gazette). Sebarang perubahan ke atas Akta yang telah diwartakan boleh mengambil masa sehingga setahun. Walau bagaimanapun, cadangan PORAM ini akan dibawa kepada pihak pengurusan untuk mempertimbangkan. PORAM disarankan agar menyediakan kertas kerja berhubung cadangan “Bon Am” ini dengan memberi analisa keseluruhan industri kilang penapis dan satu contoh syarikat kilang penapis. Kertas kerja tersebut haruslah disokong dengan data-data bagi menunjukkan situasi sebenar anggaran jumlah aliran tunai yang akan menghadapi masalah atau kerugian.

Soalan 3: PORAM mencadangkan untuk membayar 40% dahulu cukai input dan 60% akan dibayar kemudian.

Jawapan / Maklumbalas pihak Kastam:

Pihak Kastam memaklumkan cadangan ini tidak boleh diterima.

Soalan 4: Application of GST for “string contract”. Bagaimana GST boleh dituntut kerana tiada pergerakan input atau produk secara fizikal.

Jawapan / Maklumbalas pihak Kastam:

Cukai input yang terlibat semasa perbekalan boleh dituntut di bawah “incidental exempted supply” walaupun tiada pergerakan perbekalan input

secara fizikal dan hanya di atas kertas atau kontrak. Sekiranya berlaku pergerakan input secara fizikal, ianya akan dikenakan GST (berkadar standad) terhadap input itu.

Soalan 5: Application of GST for Futures Trading. Bagaimana GST berfungsi bagi Futures Trading.

Jawapan / Maklumbalas pihak Kastam:

Pertanyaan bolehlah dibuat secara bertulis dan dimajukan kepada sektor kewangan Bahagian GST Ibu Pejabat Kastam.

Soalan 6: Bolehkah GST ke atas foreign freight dituntut?

Jawapan / Maklumbalas pihak Kastam:

GST ke atas foreign freight cost boleh dituntut sekiranya syarikat freight berdaftar di bawah GST di Malaysia dan menyertakan tax invois yang betul.

Soalan 6: Kod Tarif Kastam 1511.90.910 & 1511.90.990. Adakah GST bagi kod tariff 1511.90.990 adalah berkadar sifar (GST 0%) atau berkadar standard (GST 6%).

Jawapan / Maklumbalas pihak Kastam:

Minyak masak kelapa sawit untuk tujuan memasak sahaja dibawah kod Tarif Kastam 1511.90.910 dan 1511.90.990 adalah tertakluk kepada GST berkadar sifar.

Soalan 7: Kod Tarif 1511.90.910 & 1511.90.990. Kesilapan pada Kod Tarif Kastam 1517.90. 522 di bawah produk sawit, sedangkan ianya adalah produk linseed.

Jawapan / Maklumbalas pihak Kastam:

Kastam akan melihat semula kod 522.

(Sesi Dialog Kumpulan 3)

Seminar dan Dialog Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) Bagi Sektor Industri Sawit : Siri 1

Tarikh	: 18 Disember 2014 (Khamis)
Tempat	: Dewan Bactris, MPOB (Kumpulan 3)
Moderator (MPOB)	: En. Azman Ismail
Wakil Jabatan Kastam DiRaja Malaysia	: Pn. Rokiah Embong : Pn.Rozila Saad
Group Rapporteur	: Puan Nor Ashikin Hassim : En Kamaruddin Mohd Idris : En. Nik Abdullah Nik Idris : Puan Norhidayu Abdullah : Puan Ainul Hani Abu Bakar : Puan Siti Mashani Ahmad

1. EN LIM (Acidchem International Sdn. Bhd.)

Soalan: Pemberian anugerah atau hadiah kepada pekerja dalam bentuk barangan bernilai RM500/pekerja/tahun adakah ianya berpandukan kepada kalendar tahunan atau tahun kewangan?

Jawapan: *Pemberian anugerah atau hadiah bernilai RM500/tahun adalah merangkumi pemberian kepada pekerja dan juga pelanggan serta dikira berdasarkan tahun kewangan.*

2. PN SUZY (FPG Oleochemicals Sdn. Bhd.)

Soalan: Pembelian RSPO adalah tertakluk kepada premium dan sekiranya premium dicaj secara berasingan, adakah ianya tertakluk kepada GST?

Jawapan: *Ya, premium (jualan + premium) adalah tertakluk kepada GST.*

3. EN LIM (Acidchem International Sdn. Bhd.)

Soalan: Siapa yang akan dikenakan GST sekiranya jualan dan invois cukai dikeluarkan kepada peniaga tempatan, tetapi produk tersebut dieksport ke luar Negara?

Jawapan: *Asas GST adalah setiap invois cukai (berkaitan sawit) yang dikeluarkan daripada peniaga tempatan kepada peniaga tempatan akan*

dikenakan 6% GST tetapi setiap bagi produk dieksport adalah tertakluk kepada “zero-rate GST”. Dalam hal ini, peniaga tempatan akan dikenakan GST tetapi peniaga kedua yang berurusan untuk terus mengeksport produk tidak akan dikenakan GST. Perkara ini telah diletakkan di laman sesawang Kastam: www.gst.customes.gov.m/FAI.

4. PN SUZY (FPG Oleochemicals Sdn.Bhd.)

Soalan: Pembeli adalah orang luar Negara, tetapi produk dihantar kepada peniaga tempatan untuk proses nilai tambah (“value-adding”) untuk memenuhi tempahan pengimport luar Negara tersebut.

Jawapan: *Mohon menulis secara rasmi transaksi antara tiga pihak yang terlibat kepada Bahagian GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk mendapat penjelasan.*

5. PN MARY CHENG (Vance Bioenergy Sdn. Bhd.)

Soalan: Syarikat telah mempunyai kontrak bagi kerja pembinaan loji. Pembinaan loji telah siap tetapi masih dalam “warranty period” dan kontrak dengan pihak kontraktor akan tamat pada Disember 2015. Adakah “retention money” / wang tahanan yang akan dibayar pada Disember 2015 nanti akan dikenakan GST?

Jawapan: *Prinsipnya semua kontrak atau apa-apa bayaran sebelum 1 April 2015 tidak dikenakan GST. Walau bagaimanapun, apa-apa baki kerja atau bayaran termasuk “retention fees” yang masih berjalan selepas 1 April 2015, perlu dikenakan GST 6%.*

6. EN NG (Musim Mastika Oils & Fats (Malaysia) Sdn. Bhd.)

Soalan: Adakah GST dikenakan kepada bayaran deposit yang dibuat sebelum 1 April 2015 tetapi barang akan diterima pada Mei 2015?

Jawapan: *Dikenakan GST. Tarikh pembelian barangan dan jenis produk adalah perkara yang diambil kira. Sekiranya pembelian dibuat selepas GST dikuatkuasakan, ia adalah tertakluk kepada GST dengan kadar penuh (GST 6%).*

7. EN NG (Musim Mastika Oils & Fats (Malaysia) Sdn. Bhd.)

Soalan: Dalam usaha untuk mengurangkan aliran tunai, bolehkah cukai input diberikan dalam bentuk Jaminan Bank dan diimbangi untuk kadar GST sifar

bagi pemprosesan semula (Import, Proses, Eksport)? Kerana cukai input bagi eksport boleh diambil kira sebagai jaminan bank.

Jawapan: *GST import perlu dibayar semasa proses pelepasan dipintu masuk ke Malaysia.*

8. **PN SUZY (FPG Oleochemicals Sdn. Bhd.)**

Soalan: Adakah pelaburan kebajikan bagi membantu/memenuhi syarat pekebum kecil untuk mendapatkan pensijilan RSPO akan dikenakan GST?

Jawapan: *Pelaburan adalah dikecualikan daripada GST. Oleh yang demikian, pelaburan untuk membantu memenuhi syarat pekebum kecil bagi mendapatkan sijil RSPO tidak dikenakan GST.*

9. **EN. VICO (Oleo Company)**

Soalan: Adakah minyak sawit mentah (CPO) yang tidak menepati standard juga dikenakan GST?

Jawapan: *Semua jenis minyak sawit mentah (CPO) akan dikenakan GST 6%.*

10. **PN SHOOK YEE (Apicali (M) Sdn. Bhd.)**

Soalan: Adakah peraturan di bawah seksyen 9(5) iaitu mempamer harga terpakai bagi kontrak jualan?

Jawapan: *GST terpakai pada semua orang yang berdaftar dengan GST atau yang layak membayar GST.*

11. **PN. HELEN (PALMCO)**

Soalan: Adakah GST perlu dibayar ketika diperingkat "purchase order" (P.O)?

Jawapan: *GST ke atas barangan diimport perlu dibayar ketika pelepasan dengan Jabatan Kastam dilakukan ("at clearance point") dan bukannya diperingkat "purchase order".*

12. **PN MARY CHENG (Vance Bioenergy Sdn. Bhd.)**

Soalan: Sekiranya seseorang pembeli membeli barangan dengan harga yang rendah dan menjualnya dengan harga yang lebih tinggi, harga mana yang akan diambil kira untuk pengiraan GST?

Jawapan: *GST adalah bergantung kepada harga yang tercatat dalam invoice cukai, tanpa mencari keseimbangan antara harga belian dan jualan.*

13. FREDERICK (Natural Oleo)

Soalan: Sekiranya terminal hanya digunakan sebagai “transshipment” untuk menunggu kapal induk dan disimpan di “bonded tank”, adakah minyak tersebut akan dikenakan GST?

Jawapan: *Semua jenis “transshipment” yang tidak masuk ke Malaysia tidak dikenakan GST.*

14. EN SHAM (Vance Bioenergy Sdn. Bhd.)

Soalan: Pembeli adalah dari luar negara tetapi produk dihantar ke terminal pukal. Syarikat hanya akan mengeluarkan invois apabila produk diterima. Walau bagaimanapun, produk tersebut disimpan di terminal pukal untuk satu atau dua bulan sebelum ia dieksport. Borang K2 hanya akan dikeluarkan selepas eksport dibuat. Adakah penghantaran ini akan dikenakan GST?

Jawapan: *Semua produk untuk tujuan eksport tidak dikenakan GST.*

15. EN CHRIS CHAN (Lam Soon)

Soalan: Adakah bayaran pendahuluan untuk eksport akan dikenakan GST walaupun borang K2 hanya akan diperolehi/dikeluarkan selepas beberapa bulan?

Jawapan: *GST ke atas barangan eksport adalah berkadar sifar.*

16. EN WONG HWA (Southern Edible Oil)

Soalan: Mulai 1 April 2015, adakah syarikat perlu menjalankan penyemakan ke atas stok fizikal yang masih ada oleh Auditor yang disahkan atau oleh kakitangan dalaman sahaja? Selain itu, perlukah akauntan bertauliah menandatangani borang tuntutan syarikat?

Jawapan: *Stok fizikal boleh dituntut cukai input. Bagi membolehkan cukai input dituntut, syarikat perlu membuat pengambilan stok semasa. Borang tuntutan perlulah disahkan dan ditandatangani oleh Akauntan bertauliah jika jumlah yang ingin dituntut melebihi RM10 ribu. Auditor dalaman hanya dibenarkan untuk mengesahkan dan menandatangani boring tuntutan jika jumlah yang ingin dituntut tidak melebihi RM10 ribu. Stok yang dilupus pula tidak dikenakan GST.*

17. PN LEE AI LIN (Rompin Palm Oil Mill Sdn. Bhd.)

Soalan: Pembeli minyak sawit mentah (CPO) akan mengeluarkan nota debit

kepada CPO yang tidak mengikut standard untuk mengurangkan harga. Bolehkah nota debit / nota Kredit / diskaun ke atas kualiti minyak dimasukkan bersama dalam invois memudahkan pembayaran?

Jawapan: *Jika berlaku dalam tempoh cukai yang sama, ianya boleh di "knock-off", tetapi penyelarasan di dalam borang GST03 perlu dibuat sekiranya berlaku dalam tempoh yang berasingan.*

18. EN AZIZI (FELDA)

Soalan:

- a. Adakah perlu bayar GST kepada pihak lain dalam "string contract" (paper trade) Price settlement hanya untuk perbezaan harga sahaja dan tiada invois antara "end- shipper" kepada "end-buyer".
- b. Adakah transaksi "close-out " ini dikira " incidental exempt supplies"?
- c. Adakah perlu dimasukkan duti eksport CPO? Jika duti ini dibayar secara berasingan , bagaimana nak kira GST?

Jawapan: *FELDA adalah diminta untuk menulis secara rasmi kepada Bahagian GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Putrajaya. Jabatan Kastam akan jawab secara bertulis.*

19. EN JASON ER (Stolhaven)

Soalan: Kami adalah sebuah syarikat Singapura dan tidak mempunyai pejabat di Malaysia. Invois dikeluarkan dari Singapura ke Malaysia. Bagaimanakah cara untuk menguruskan GST sewajarnya? Adakah perlu syarikat kami meminta pelanggan tempatan di Malaysia membayar GST bagi pihak kami?

Jawapan: *Syarikat dari luar Malaysia hendaklah melantik agent/wakil untuk pendaftaran GST. Pengimport perlu membayar GST semasa pelepasaran barang dipintu masuk.*

20. PN MARY CHENG (Vance Bioenergy Sdn. Bhd.)

Soalan: Jika perbelanjaan seperti hadiah, anugerah dan makanan dibuat untuk hari keluarga syarikat, adakah syarikat boleh menuntut pembayaran balik cukai input dari jabatan Kastam?

JAWAPAN: *Cukai input hanya boleh dituntut oleh syarikat bagi tujuan pemberian hadiah, anugerah dan makanan kepada pekerja sahaja, tidak termasuk kepada isteri, anak dan lain-lain.*

21. **PN MARY CHENG (Vance Bioenergy Sdn. Bhd.)**

Soalan: Adakah implikasi cukai output jika insentif tunai sebanyak RM1,000 diberikan kepada pekerja untuk tujuan pengambilan pekerja baru?

Jawapan: *Tiada implikasi cukai output sekiranya pemberian insentif dalam bentuk tunai.*

22. **EN NG (Musim Mastika Oils & Fats (Malaysia) Sdn. Bhd.)**

Soalan: Bagaimana cara pengiraan bagi tujuan menuntut balik cukai input jika perbelanjaan input tidak sama dengan output?

Jawapan: *GST bergantung kepada invois dan tidak memerlukan padanan (matching) antara perbelanjaan input dan output.*

23. **PN LEE AI LIN (Rompin Palm Oil Mill Sdn. Bhd.)**

Soalan: Bagi kes pembelian tempatan, bayaran pendahuluan 50% diterima sebelum 1 April 2015. Manakala bayaran baki diterima selepas 1 April 2015. Invois cukai pula dikeluarkan selepas 1 April 2015. Adakah GST 6% dikenakan kepada baki bayaran sebelum 1 April 2015?

Jawapan: *GST dikenakan apabila bekalan dibuat. GST akan dikenakan sekiranya bekalan dibuat selepas 1 April 2015.*

24. **PN MARY CHENG (Vance Bioenergy Sdn. Bhd.)**

Soalan: Bagaimanakah cara untuk pembayaran GST 6% terhadap barang-barang import?

Jawapan: *Cara pembayaran / prosedur GST import adalah sama dengan pembayaran cukai jualan sekarang iaitu pembayaran dibuat semasa pelepasan barang dipintu masuk sama ada di pelabuhan/lapangan terbang dengan menggunakan borang Kastam 1.*

PERTANYAAN SPESIFIK PELAKSANAAN GST BAGI SEKTOR INDUSTRI SAWIT DI MALAYSIA

A) PENGUSAHA TAPAK SEMAIAN SAWIT

1. Adakah nurseri sawit perlu mendaftar GST?

Ya, pengusaha nurseri sawit merupakan pembekalan bercukai berkadar standard (GST 6%). Bagi pengusaha nurseri sawit yang mencatatkan nilai jualan tahunan melebihi >RM500,000 setahun adalah mandatori untuk mendaftar GST. Bagi pengusaha yang mencatatkan nilai jualan di bawah RM500,000 mereka boleh mendaftar secara sukarela tetapi tertakluk kepada kelulusan daripada pihak Kastam. Sekiranya, permohonan pendaftaran GST diluluskan maka pengusaha akan mengenakan caj GST 6% ke atas harga jualan anak benih sawit dan layak menuntut cukai input yang digunakan dalam perniagaannya.

2. Adakah harga anak benih yang dijual perlu dikenakan GST pada kadar 6% kepada pembeli?

Apabila pengusaha nurseri sawit berdaftar, pengusaha hendaklah mengenakan GST pada kadar 6% ke atas harga anak benih sawit. Ini bermakna, apabila harga anak benih sawit semasa adalah RM12.00 sepokok maka kadar GST adalah RM0.70 sepokok ($RM12.00 \times 6\%$). Oleh itu, setiap penjualan 1,000 anak benih pokok, jumlah kutipan GST oleh pengusaha nurseri sawit tersebut adalah RM700 ($RM0.70 \times 1,000$).

3. Adakah biji benih cambah (germinated seed) yang dibeli oleh pengusaha nurseri sawit akan dikenakan GST 6% oleh pihak pengeluar biji benih cambah?

Berdasarkan rekod pengeluaran dan jualan biji benih cambah tahunan, didapati pengeluar biji benih cambah sawit adalah mandatori berdaftar GST. Pengeluar biji benih cambah merupakan pembekalan berkadar standard (GST 6%). Harga biji benih cambah sawit yang dikeluarkan akan dicaj GST 6% kepada pengusaha nurseri sawit. Harga semasa biji benih sawit adalah RM2.35 sebiji, maka selepas pelaksanaan GST pada 1 April 2015, harga biji benih cambah yang dijual oleh pengeluar akan menjadi RM2.50 sebiji ($RM2.35 + RM0.15$).

4. Apakah kod MSIC untuk mendaftar GST bagi sektor nurseri sawit?

Bagi maksud pendaftaran GST kod industri bagi pengusaha nurseri sawit adalah 01304 (mengikut MSIC Code 2008) seperti mana yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik.

5. Adakah nurseri sawit layak menuntut cukai input ke atas semua input yang digunakan?

Bagi pengusaha nurseri sawit yang berdaftar dengan GST, segala pembayaran cukai input yang digunakan dalam perniagaan boleh dituntut kembali dari Kastam sekiranya diperolehi dari pembekal yang berdaftar. Pengusaha nurseri sawit layak menuntut cukai input apabila memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- **cukai input telah ditanggung;**
- **cukai input dibenarkan;**
- **orang kena cukai;**
- **perkhidmatan atau barang yang dibeli untuk kegunaan perniagaan; dan**
- **yang dibuat di Malaysia**

Semua pembelian input yang di caj GST 6% seperti pembelian biji benih cambah, polibeg, baja dan racun serangga layak dituntut kembali sebagai cukai input oleh pengusaha nurseri. Contoh cukai input yang disekat adalah seperti pembelian kereta untuk kegunaan peribadi.

6. Bagaimanakah cara pembayaran cukai output dan tuntutan cukai input kepada Kastam?

Kaedahnya adalah dengan menghantar penyata (GST -03) dan membayar cukai sebelum hari terakhir bulan berikutnya selepas tempoh bercukai. Penghantaran penyata secara elektronik adalah digalakkan. Pembayaran akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja sekiranya penghantaran penyata dibuat secara atas talian (on-line) dan 28 hari bekerja sekiranya penghantaran penyata dibuat secara manual. Cukai input boleh ditolak daripada cukai output dalam tempoh bercukai.

B) PEKEBUN KECIL SAWIT

1. Mengikut peraturan dan undang-undang GST, adakah pekebun kecil sawit mandatori bagi memohon skim kadar rata?

Permohonan skim kadar rata (FRS) bukan mandatori kepada pekebun kecil sawit. Skim ini merupakan pilihan kepada pekebun kecil sawit itu sendiri. Skim ini diperkenalkan bagi mereka yang tidak mencapai nilai perolehan tahunan >RM500,000. Permohonan pendaftaran boleh dibuat melalui laman sesawang gst@customs.com.my.

2. Apakah kebaikan yang bakal diperolehi oleh pekebun kecil sawit apabila berdaftar dengan GST di bawah Skim Khas Kadar Rata?

Bagi pekebun kecil sawit yang telah mendapat kelulusan skim kadar rata

dari Kastam mereka layak mengenakan caj 2% ke atas harga jualan buah sawit (BTS) kepada pembeli (peniaga buah sawit atau pengilang buah sawit) yang berdaftar dengan GST sahaja. Contohnya, apabila harga pasaran BTS adalah RM440 se tan, maka pekebun kecil akan memperolehi tambahan RM8.80 ($RM440 \times 2\%$) bagi setiap tan BTS yang dijual kepada pembeli.

3. Adakah pekebun memperolehi no. rujukan pendaftaran GST selepas pendaftaran GST dilakukan?

Apabila seseorang pekebun kecil sawit tersebut telah diluluskan permohonannya di bawah Skim Kadar Rata (SKR) pekebun akan memperolehi nombor rujukan yang berupa SKR dan diikuti oleh 8 digit. Contohnya, SKR000000008. Apabila telah berdaftar di bawah SKR pekebun kecil tersebut bertanggungjawab menghantar penyata pada setiap hujung tahun. Namun, pekebun kecil hendaklah sentiasa bersedia untuk menghantar penyata apabila diarahkan oleh pihak Kastam.

4. Apakah dokumen yang perlu disimpan selepas pelaksanaan GST oleh pekebun kecil?

Pekebun kecil perlu menyimpan dokumen-dokumen yang berkaitan seperti:

- *Resit Timbang BTS*
- *Invois cukai,*
- *Buku rekod*
- *Penyata akauan, dll.*

5. Bagaimanakah prosedur pembayaran Skim Kadar Rata yang bakal dilaksanakan terhadap perjualan BTS?

Pembayaran skim kadar rata akan dibuat oleh pembeli BTS yang berdaftar GST. Pembeli BTS (peniaga BTS atau pengilang BTS) perlu membayar tambahan harga 2% kepada pekebun kecil apabila pekebun tersebut telah diluluskan di bawah skim kadar rata (telah mempunyai nombor rujukan SKR) oleh Kastam.

6. Adakah pekebun kecil layak menuntut cukai input ke atas pembelian input pertanian?

Dibawah Skim Kadar Rata, pekebun kecil sawit hanya layak menuntut tambahan harga 2% ke atas harga jualan BTS semasa. Oleh itu, pekebun kecil sawit tidak layak menuntut kembali cukai input ke atas pembelian input yang dikenakan GST seperti pembelian baja dan racun rumpai.

7. Bagaimanakah prosedur pengeluaran invois bil sendiri (self billed invoice)?
Tujuan pengeluaran invois bil sendiri adalah disebabkan harga jualan BTS tidak dapat ditentukan semasa jualan BTS dilakukan antara estet dengan peniaga/pengilang BTS. Di bawah peraturan dan undang-undang GST pembeli BTS (peniaga/pengilang BTS) boleh mengeluarkan invois cukai bagi pihak estet. Bagi maksud pengeluaran invois sendiri, pengeluar, peniaga dan pengilang BTS boleh membuat permohonan dengan Ketua Pengarah Kastam dengan memaklumkan pihak yang terlibat dalam pembekalan.
8. Adakah pekebun kecil perlu membayar GST 6% dan bagaimana kaedah pembayaran input dan output tax?
Pekebun kecil yang tidak berdaftar di bawah tidak boleh mengenakan GST 6% dan tidak dikehendaki membayar GST kepada Jabatan Kastam. Ini kerana nilai perolehannya adalah kurang dari nilai ambang yang telah ditetapkan iaitu >RM500,000 setahun. Oleh itu, tidak boleh menuntut cukai input dan membayar cukai output. Namun begitu, bagi mereka yang telah mencapai nilai ambang yang telah ditetapkan hendaklah berdaftar di bawah GST.

C) PENIAGA BUAH SAWIT

1. Adakah peniaga buah sawit (BTS) perlu mendaftar GST?
Ya, peniaga BTS yang telah mencapai nilai jualan tahunan melebihi RM500,000.00 setahun perlu berdaftar secara mandatori. Sebaliknya, bagi peniaga yang mencatatkan nilai jualan di bawah RM500,000 mereka boleh mendaftar secara sukarela tertakluk kepada kelulusan daripada pihak Kastam. Sekiranya, permohonan pendaftaran GST diluluskan BTS hendaklah mengenakan caj GST 6% ke atas caj perkhidmatan atau harga jualan BTS kepada pembeli (peniaga BTS yang lain/pengilang BTS) dan layak menuntut kembali cukai input yang dibayar (termasuk skim kadar rata yang di bayar kepada pekebun kecil) dari Kastam.
2. Bagi peniaga BTS, adakah GST dikenakan pada harga jualan BTS, caj perkhidmatan dan pendahuluan yang diterima oleh pekebun kecil sawit?
Apabila peniaga BTS telah berdaftar GST maka sebarang transaksi dalam perniagaannya adalah merupakan pembekalan bercukai berkadar standard (GST 6%). Sekiranya, margin keuntungan diperolehi melalui perbezaan harga jualan BTS dari penjual kepada pembeli maka caj GST 6% perlu dikenakan ke atas harga jualan BTS. Sebaliknya, jika caj perkhidmatan dikenakan kepada pembekal, maka GST 6% perlu dikenakan ke atas caj

perkhidmatan yang diberikan tersebut. Pembayaran pendahuluan kepada penjual berdaftar GST juga perlu mengambil kira kadar GSTnya sekali.

3. Bagaimanakah kaedah pengeluaran invoice cukai bagi urusan pembelian buah sawit dari pekebun kecil sawit?

Pengeluaran invoice cukai adalah sama dengan sistem invoice yang digunakan sekarang cuma terdapat beberapa tambahan elemen yang mandatori apabila GST dilaksanakan. Berikut merupakan elemen yang perlu ada dalam invoice cukai iaitu:

- ***Nama dan Alamat Pembekal serta No. Pengenal GST***
- ***No. Siri Invoice***
- ***Perkataan "Invoice Cukai" dinyatakan jelas***
- ***Tarikh Invoice***
- ***Nama dan Alamat Pelanggan***
- ***Perihal Barang Dibekalkan***
- ***Jumlah Amaun Kena Dibayar termasuk GST***

4. Dimaklumkan prosedur pengeluaran invoice 21 hari tidak dapat dilaksanakan, oleh itu bagaimanakah cara penyelesaiannya?

Di bawah 11(6) , Akta GST 2014, atas permintaan yang dibuat secara bertulis oleh orang kena cukai, Ketua pengarah Kastam boleh secara bertulis, sebagaimana yang difikirkan patut mengubah masa pembekalan yang dibuat oleh orang kena cukai dikira sebagai telah berlaku.

Sekiranya permohonan tidak diluluskan, kaedah penyelesaian adalah melalui pengeluaran invoice bil sendiri dan juga penggunaan nota debit dan kredit. Ini bermakna penjual (pekebun kecil) dan pembeli (peniaga/pengilang BTS) dikehendaki juga mengeluarkan invoice tidak melebihi 21 hari dengan menggunakan jangkaan harga BTS berdasarkan harga harian BTS yang dikeluarkan oleh MPOB. Sekiranya, harga sebenar BTS yang dikeluarkan tidak sama dengan harga yang telah ditentukan tersebut maka pengubahsuaian akan dilakukan berdasarkan pengeluaran nota debit dan kredit tersebut.

5. Bagaimana cara peniaga boleh mengetahui bahawa seseorang pekebun kecil sawit tersebut telah berdaftar di bawah SKR?

Apabila pekebun kecil sawit tersebut telah berdaftar, pekebun kecil akan diberi nombor rujukan pendaftaran SKR oleh Jabatan Kastam. Semakan boleh dibuat oleh peniaga BTS di laman sesawang Kastam bagi mengesahkan kesahihan nombor SKR yang dibekalkan oleh pekebun kecil sawit kepada mereka.

6. Bagaimanakah format tiket FFB yang sepatutnya dikeluarkan oleh peniaga BTS apabila GST telah dilaksanakan kelak?
Tiada berlaku sebarang perubahan ke atas format tiket timbang BTS yang dikeluarkan oleh peniaga setelah pelaksanaan GST pada 1 April 2015.
7. Bagaimana merekod, menyimpan dan memfail dokumen-dokumen yang berkaitan dengan GST?
Seseorang yang telah berdaftar GST perlu menyimpan rekod dalam keadaan yang berikut:
- ***Rekod boleh disimpan dalam Bahasa Malaysia atau English***
 - ***tempoh simpanan selama 7 tahun***
 - ***boleh disimpan dalam bentuk "soft atau hard copy"***
 - ***disimpan di tempat utama perniagaan***
8. Apakah kelebihan kepada peniaga BTS apabila GST ini dilaksanakan kelak?
Bagi peniaga BTS yang berdaftar berikut merupakan kelebihan/kebaikan yang bakal dinikmati:
- ***Layak menuntut kembali bayaran GST 6% ke atas cukai input yang ditanggung dalam masa perniagaan.***
 - ***Kos pengeluaran dapat dikurangkan***
 - ***Mengenakan caj GST 6% ke atas pembekalan yang dilakukan.***
9. Sebagai peniaga BTS, pembayaran GST 6% adalah tanggungjawab siapa?
Tanggungjawab pembayaran GST 6% adalah tanggungjawab penjual/ pembekal itu sendiri. Sekiranya, peniaga BTS memperolehi BTS dari estet dan estet tersebut berdaftar GST maka tanggungjawab pembayaran GST 6% adalah tanggungjawab estet itu sendiri. Sekiranya, BTS yang dijual oleh peniaga BTS kekilang dianggap sebagai produknya sendiri (margin keuntungan dinikmati oleh peniaga melalui perbezaan harga belian dan jualan BTS) maka tanggungjawab pembayaran GST 6% adalah bagi peniaga BTS itu sendiri.
10. Memerlukan info berhubung cukai input kelapa sawit yang boleh dituntut oleh peniaga BTS?
Secara umumnya, segala input yang dikenakan caj GST 6% oleh pembekal yang berdaftar GST maka layak dituntut kembali oleh peniaga. Hanya tuntutan cukai input yang disekat tidak dibenarkan dituntut sebagai cukai input oleh peniaga.
11. Bagaimana prosedur untuk menuntut input tax?
Kaedahnya adalah dengan menghantar penyata (GST-03) dan membayar

cukai sebelum hari terakhir bulan berikutnya selepas tempoh bercukai. Penghantaran elektronik adalah digalakkan. Cukai input yang digunakan dalam perniagaan boleh ditolak daripada cukai output dalam tempoh bercukai.

12. Bagaimana nak mohon self billed tax invoice?
Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan melayari GST PORTAL di www.gst.customs.gov.my
13. Adakah stok lama (pembelian sebelum 1 April 2015) yang dibeli oleh peniaga BTS akan turut dikenakan GST?
Ya, stok barangan yang dimiliki oleh peniaga sebelum 1 April 2015 perlu di caj GST 6% apabila pelaksanaan GST dikuatkuasakan pada 1 April 2015.
14. Dimanakah senarai penuh nama pekebum kecil yang berdaftar di bawah SKR boleh diperolehi?
Permohonan boleh dibuat kepada Jabatan Kastam dan semakan kesahihan nombor SKR yang dibekalkan oleh pekebum boleh di buat melalui Portal GST di www.gst.customs.gov.my atau menghubungi Pusat Panggilan Kastam
15. Bagaimana mendaftar perniagaan di bawah GST?
Pendaftaran GST boleh dibuat oleh peniaga BTS secara atas talian dilaman sesawang GST iaitu www.gst.customs.gov.my atau menghantar borang secara manual dimana-mana Pejabat Kastam terdekat. Jabatan Kastam telah menyediakan KIOS Pendaftaran GST di semua pejabat Kastam di seluruh Malaysia.
16. Adakah peniaga perlu menyertakan invois apabila menghantar BTS ke kilang?
Proforma invois boleh digunakan oleh peniaga semasa membuat pembekalan BTS kekilang. Selain itu, invois bil sendiri iaitu invois yang akan dikeluarkan oleh pihak pengilang kepada peniaga BTS atas faktor harga BTS tidak dapat ditentukan semasa penghantaran dibuat turut boleh digunakan.
17. Perisian apa yang sesuai digunakan untuk sistem perakaunan?
Perisian yang dibekalkan oleh pembekal-pembekal perisian GST yang telah diiktiraf oleh Kastam. Senarai pembekal perisian yang telah diluluskan oleh Jabatan Kastam boleh didapati di GST PORTAL
18. Siapa yang layak untuk menuntut cukai ke atas input?
Semua syarikat yang berdaftar GST layak menuntut cukai input yang telah di bayar dalam penerusan perniagaan.

19. Adakah pembekal atau peniaga yang berdaftar dengan GST boleh berurusan dengan peniaga yang tidak berdaftar dengan GST?

Peniaga yang berdaftar di bawah GST boleh berurusan dengan peniaga yang tidak berdaftar GST. Namun begitu, jualan/pembekalan yang diberikan oleh peniaga yang tidak berdaftar GST tidak boleh dituntut sebagai cukai input oleh peniaga yang berdaftar GST.

D) PENGUSAHA ESTET SAWIT

1. Apakah kod industri bagi mendaftar GST bagi sektor estet sawit?
Kod industri bagi sektor estet sawit semasa mendaftar GST adalah berdasarkan MSIC Code 2008 iaitu kodnya 01261.
2. Adakah estet sawit dikategorikan sebagai pembekalan berkadar standard?
Bagi pengusaha estet sawit yang mencatatkan nilai jualan BTS melebihi RM500,000 dan berdaftar GST maka dikategorikan sebagai pembekalan bercukai berkadar standard (6% GST). Ini bermakna estet sawit akan caj GST sebanyak 6% ke atas harga jualan BTS dan layak menuntut cukai input.
3. Siapakah yang akan membayar GST 6% ke atas buah sawit (BTS) yang dijual kepada peniaga atau pengilang?
Pembeli BTS yang akan membayar GST 6% sekiranya membeli dari pembekal yang berdaftar. Bagi estet, pihak pengilang BTS yang akan membayar GST 6% ke atas harga pasaran BTS yang dikeluarkan oleh MPOB.
4. Adakah sewa ladang akan dikenakan GST?
Sewa ladang adalah dikecualikan daripada GST.
5. Bagaimanakah kaedah pengeluaran invois cukai bagi urusan pembelian buah sawit?
Oleh kerana harga sawit tidak dapat ditentukan semasa penghantaran BTS, maka invois akan dikeluarkan oleh pihak pembeli (pengilang) kepada penjual (estet). Invois ini dikenali sebagai invois bil sendiri (Self-billed invoice).
- 6) Adakah pihak kilang akan membayar harga BTS bersama tambahan GST 6%?
Ya, pihak pengilang hendaklah membayar GST 6% ke atas harga jualan BTS kepada pihak estet apabila estet berdaftar GST dan mereka boleh menuntut kembali GST yang dibayar kepada Kastam. Sekiranya penghantaran penyata secara atas talian maka pembayaran balik akan dilakukan dalam masa 14 hari bekerja oleh Kastam.

- 7) Bagaimana cara menuntut cukai input sedangkan cukai output tidak di bayar oleh estet sawit secara terus kepada kastam?
Cukai output akan dibayar oleh pihak estet sendiri kepada Kastam. Tanpa cukai output, pihak estet masih lagi boleh membuat tuntutan cukai input atas apa-apa yang ditanggung dalam perniagaan kepada Kastam sekiranya berdaftar GST.
- 8) Adakah Kerajaan dapat membekalkan perisian perakaunan secara percuma kepada pihak estet?
Rebet sebanyak RM1,000 akan diberikan kepada peniaga yang membeli perisian perakaunan daripada pembekal perisian yang diiktiraf oleh Kastam. Senarai nama pembekal yang sah boleh disemak di Portal GST.
- 9) Maklumat mengenai format invois yang baru perlu diberitahu kepada unit akaun sesebuah syarikat/ agensi bagi memudahkan kendalian tugas pada masa hadapan.
Penerangan tentang invois bercukai telah diterangkan semasa taklimat GST.
10. Bagaimana cara menuntut cukai input yang digunakan, contoh barang yang boleh dituntut cukai dan di mana boleh membuat tuntutan cukai?
Kaedahnya adalah dengan menghantar penyata (GST -03) dan membayar cukai sebelum hari terakhir bulan berikutnya selepas tempoh bercukai. Penghantaran elektronik adalah digalakkan. Cukai input boleh ditolak daripada cukai output dalam tempoh bercukai.
11. Penyediaan kemudahan perumahan dan pengangkutan kepada pekerja ladang dikenakan GST?
Sekiranya perkhidmatan tersebut disediakan secara percuma maka tidak dikenakan GST. Namun sekiranya, ianya dikenakan bayaran kepada pekerja ianya merupakan pembekalan dikecualikan dari GST.
12. Adakah perkhidmatan perkongsian pekerja antara syarikat dikenakan GST?
Ya, perkhidmatan perkongsian pekerja di antara syarikat dikenakan GST 6% ke atas caj perkhidmatan yang diberikan.
13. Adakah GST dikenakan ke atas pembaharuan lesen MPOB?
Pembaruan lesen MPOB tidak dikenakan GST, kerana ianya adalah diluar skop GST.
14. Adakah GST dikenakan ke atas cukai jualan minyak sawit 7.5% di Sabah?
Cukai jualan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri Sabah bagi produk sawit pada kadar 7.5% tidak akan dikenakan GST 6% apabila pelaksanaan GST pada 1 April 2015.

E) KILANG BUAH SAWIT

1. Antara peniaga buah sawit dan kilang siapakah yang paling berhak membayar cukai output ke atas buah sawit kepada Kastam?
Mengikut peraturan dan undang-undang GST, sesiapa yang membuat pembekalan dialah yang bertanggungjawab mengenakan caj GST 6% apabila berdaftar GST. Oleh itu, sekiranya pembekalan BTS dibuat oleh peniaga dengan pengilang maka peniagaalah yang lebih berhak caj GST 6% kepada pengilang.
2. Adakah sewa kilang akan dikenakan GST?
Ya, sewa kilang akan dikenakan caj GST 6% sekiranya pembekalan dilakukan oleh orang yang berdaftar GST.
3. Bagaimanakah kaedah pengeluaran invois bagi urusan pembelian buah sawit?
Oleh kerana harga sawit tidak dapat ditentukan semasa penghantaran BTS, maka invois akan dikeluarkan oleh pihak pembeli (pengilang) kepada penjual (estet). Invois ini dikenali sebagai invois bil sendiri (Self-billed invoice).
4. Adakah pengilang layak menuntut cukai input bagi pembelian mesin yang berharga berjuta ringgit?
Ya, pihak pengilang yang berdaftar GST layak menuntut cukai input bagi pembelian mesin kilang yang mempunyai invois bercukai.
5. Bagaimanakah pihak pengilang mengetahui bahawa pekebum kecil tersebut telah berdaftar di bawah SKR?
Apabila pekebum kecil sawit tersebut mengemukakan nombor rujukan pendaftaran SKR miliknya. Semakan kesahihan nombor rujukan pendaftaran SKR boleh dibuat di Portal GST yang dibekalkan oleh pekebum kecil sawit kepada mereka.
6. Adakah pembayaran SES MPOB dikenakan GST?
Pembayaran SES MPOB tidak dikenakan GST 6% kerana ianya merupakan pembekalan di luar skop.
7. Adakah pengilang BTS akan membayar GST berganda apabila GST dilaksanakan?
Pihak pengilang tidak akan membayar GST berganda terhadap pembelian inputnya. Ini kerana setiap cukai input yang digunakan untuk tujuan perniagaan yang mengandungi GST 6% boleh dituntut kembali oleh pihak pengilang BTS kepada Kastam. Pihak pengilang pula akan mengenakan caj GST 6% ke atas produk yang dihasilkan kepada pembeli. Ini bermakna

sebahagian daripada pembayaran cukai input telah diperolehi kembali melalui kutipan cukai input.

8. Bagi kilang sawit, harga ditentukan oleh pihak pengilang dan bukannya penjual BTS. Oleh itu invois cukai sepatutnya dikeluarkan oleh pihak kilang? ***Bagi penjualan BTS, invois cukai akan dikeluarkan oleh pihak kilang BTS kerana harga sawit tidak dapat ditentukan semasa pembekalan dibuat oleh pihak pembekal (estet). Format invois tersebut dikenali sebagai invois bil sendiri (self billed invoice).***

9. Senarai cukai input yang boleh dituntut oleh pihak pengilang BTS? ***Setiap pembekalan yang dibuat oleh pendaftar GST kepada pengilang layak dituntut kembali oleh pihak pengilang BTS sebagai cukai input kecuali bagi cukai input yang disekat seperti:***
 - (i) Motokar penumpang termasuk sewaan***
 - (ii) Pembekalan barang atau perkhidmatan berhubungan dengan pembaikan, penyenggaraan dan membaik pulih motokar penumpang;***
 - (iii) Manfaat keluarga***
 - (iv) Yuran kelab***
 - (v) Premium insurans kemalangan peribadi dan perubatan***
 - (vi) Belanja perubatan***
 - (vii) Belanja keraian kecuali untuk pekerja dan pelanggan sedia ada***

10. Apabila GST dilaksanakan, adakah cukai jualan minyak sawit 7.5% di Sabah masih lagi dikenakan ke atas pihak pengilang BTS? ***Cukai jualan di Sabah adalah tertakluk atas bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu apabila GST dilaksanakan, cukai jualan bagi minyak sawit 7.5% di Sabah masih dikekalkan.***

11. Adakah pihak MPOB boleh membekalkan senarai nama pekebun kecil sawit yang telah berdaftar di bawah Skim Khas Berkadar Rata (SKR)? ***Urusan pendaftaran pekebun kecil sawit di bawah SKR ketika ini adalah di bawah kendalian pihak Kastam. Oleh itu, pihak MPOB tidak dapat membekalkan senarai nama pekebun kecil yang telah berdaftar di bawah SKR.***

12. Bagaimana kaedah pengeluaran invois cukai bagi jualan CPO & PK dalam tempoh masa tempoh 21 hari dapat di buat kerana harga masih lagi belum diketahui? ***Di bawah 11(6), Akta GST 2014, atas permintaan yang dibuat secara bertulis oleh orang kena cukai, Ketua pengarah Kastam boleh secara***

bertulis, sebagaimana yang difikirkan patut mengubah masa pembekalan yang dibuat oleh orang kena cukai dikira sebagai telah berlaku.

Sekiranya permohonan tidak diluluskan, kaedah penyelesaian adalah melalui pengeluaran invois bil sendiri dan juga penggunaan nota debit dan kredit. Ini bermakna penjual (pekebun kecil) dan pembeli (peniaga/pengilang BTS) dikehendaki juga mengeluarkan invois tidak melebihi 21 hari dengan menggunakan jangkaan harga BTS berdasarkan harga harian BTS yang dikeluarkan oleh MPOB. Sekiranya, harga sebenar BTS yang dikeluarkan tidak sama dengan harga yang telah ditentukan tersebut maka pengubahsuaian akan dilakukan berdasarkan pengeluaran nota debit dan kredit tersebut.

13. Adakah kemudahan wang pendahuluan yang diberikan oleh pihak kilang BTS dikenakan GST?

Ya, kemudahan wang pendahuluan yang diberikan oleh pihak pengilang BTS perlu mengambil kira GST 6% kepada pembekalan yang dilakukan oleh pengeluar BTS yang mendaftar di bawah GST.

14. Sila jelaskan bagaimana format cukai invois bagi SKR?

Format cukai invois yang digunakan adalah invois bil sendiri (Self-billed invoice). Penerangannya akan dibuat semasa taklimat GST dan sesi dialog.

15. Bilakah tarikh akhir untuk penyerahan penyata GST-03 bagi pengilang minyak sawit?

Tarikh akhir untuk penyerahan penyata GST adalah sebelum hari terakhir bulan berikutnya selepas tempoh bercukai bagi mereka yang mencatatkan nilai ambang melebihi RM5 juta.

16. Apabila telah mendaftar pihak pengilang BTS perlu mendapatkan kebenaran untuk mengeluarkan “invois bil sendiri (Self-billed invoice)” dari JKDM. Bagaimana cara permohonan tersebut perlu dilakukan?

Permohonan untuk menggunakan invois bil sendiri hendaklah dibuat secara atas talian melalui laman sesawang Portal GST di www.gst.customs.gov.my

17. Pihak pengilang BTS perlu membuat persetujuan dengan pembekal BTS bagi mengeluarkan “ invois bil sendiri (Self -billed invoice).” Bagaimana kaedah tersebut dilakukan?

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kastam. Permohonan boleh dibuat di atas talian melalui laman sesawang Portal GST dengan menyatakan butiran pihak pembekal.

18. Lain-lain produk yang dikeluarkan oleh pengilang BTS seperti tempurung, tandan sawit kosong, decanters solids adakalanya diberi percuma oleh pengilang. Adakah terdapat isu GST sekiranya ianya diberi percuma?

Pihak pengilang perlu mengakaunkan GST ke atas produk yang dihasilkan walaupun diberikan secara percuma dengan menggunakan harga pasaran semasa produk tersebut.

19. Biasanya kilang sawit ada memiliki lain-lain aset yang bukan digunakan sebagai cabang perniagaan utamanya contohnya rumah kedai, rumah, estate sawit dan lain-lain harta. Adakah sewa bagi harta tersebut / jualan harta tersebut dikenakan GST?

Ya, pembekalan tersebut dikenakan GST 6% kecuali rumah kediaman dikecualikan dari GST.

20. Adakah stok barangan seperti CPO dan PK yang disimpan sebelum 1 April 2015 akan dikenakan GST 6% apabila dijual pada 1 April 2015?

Stok simpanan produk seperti CPO dan PK tersebut perlu di caj GST 6% apabila dijual pada 1 April 2015 sekiranya berdaftar di bawah GST.

21. Sila nyatakan kadar GST bagi pembelian produk yang berikut:

No.	Description	Tax Rate
1	FFB Smallholders	2% FRS
2	FFB Estates	6% GST
3	FFB Dealers	6% GST
4	Advances for FFB Purchase	6% GST
5	Subsidies and Other Incentives for FFB Purchase	Out of scope
6	Progress Payment on Capital Equipment	6% GST
7	Retention Sum for Capital Equipment	6% GST
8	Contract – Labour Only – on service fee	6% GST
9	Contract – Labour & Materials – on service fee	6% GST
10	Contract – Services	6% GST
11	Equipment Hire	6% GST
12	Machinery Replacement and Spare Parts	6% GST
13	Consumables (e.g. chemicals, lubricants, diesel, etc)	6% GST
14	Professional Fees	6% GST
15	Statutory (e.g. Cess, Licenses, etc)	Exempted

24. Sila nyatakan kadar GST bagi penjualan produk yang berikut:

No.	Description	Tax Rate
1	Crude Palm Oil	6%
2	Palm Kernel	6%
3	Palm Shell	6%
4	Sludge Oil	6%
5	MesocarpFibre	6%
6	Empty Bunches	6%
7	Empty Bunch Fibre	6%
8	Processed Empty Bunch Fibre	6%
9	Decanter Cake	6%
10	Bio Solids (from Effluent)	6%
11	Bunch Ash	6%
12	Scrap Iron	6%

24. Sekiranya pengilang mengenakan caj pengangkutan dan caj pemprosesan ke atas pembekal dan ditolak daripada harga jualan BTS, adakah invoice yang berasingan perlu dikeluarkan bagi perkara tersebut?

Tidak perlu keluarkan invoice yang lain tetapi perlu disenaraikan jenis pembekalan tersebut.

25. Adakah produk yang dihasilkan untuk kegunaan sendiri (seperti tempurung sawit) merupakan pembekalan bercukai?

Produk yang dihasilkan untuk kegunaan sendiri perlu diakaunkan untuk GST.

26. Sekiranya pihak pengilang gagal mengeluarkan invoice dalam tempoh 21 hari, apakah denda yang akan dikenakan?

Kegagalan mengeluarkan invoice dalam tempoh 21 hari merupakan kesalahan dan boleh dikenakan denda.

27. Sekiranya pihak pengilang BTS mengenakan caj ke atas pengangkutan kepada pekerjaanya atau sewaan rumah kediaman kepada pekerjaanya adakah ianya merupakan pembekalan bercukai?

Pembekalan ini merupakan pembekalan yang dikecualikan dari GST. Oleh itu, pihak pengilang BTS ini akan dikategorikan sebagai membuat pembekalan bercampur (mixed supply) apabila berdaftar di bawah GST.

F) KILANG PENAPIS


1. Adakah cooking oil subsidized scheme (COSS) yang diterima dari MPOB diklasifikasikan sebagai pembekalan dikecualikan (exempt supply)?
Pembayaran skim subsidi COSS yang diterima oleh pembungkus minyak masak tidak tertakluk kepada GST.
2. Adakah harga jualan minyak masak akan dinaikkan sekiranya ada GST? apakah kelebihan bagi pengilang sekiranya GST dilaksanakan?
Harga jualan minyak masak adalah ditetapkan oleh KPDNKK dan berkadar sifar (GST 0%). Ini kerana minyak masak merupakan produk kawalan.
3. Apabila tuntutan cukai input dilakukan, berapa lamakah masa yang diambil bagi membuat bayaran kepada kilang penapis minyak sawit oleh pihak Kastam?
Sekiranya, penghantaran penyata dibuat secara atas talian (on-line), pemulangan lebihan cukai input / kredit cukai input akan dibuat dalam tempoh masa 14 hari bekerja. Sebaliknya, jika tuntutan dibuat secara manual yang diguna pakai, bayaran akan dibuat dalam tempoh 28 hari bekerja.

G) PEMBUNGKUS MINYAK MASAK

1. Adakah minyak masak merupakan pembekalan berkadar sifar atau berkadar standard?
Minyak masak yang dijual di pasaran tempatan (<20kg) merupakan pembekalan berkadar sifar (GST 0%). Ini bermakna tiada caj GST 6% dikenakan ke atas pembeli. Pembungkus minyak masak layak menuntut kembali cukai input ke atas bahan mentahnya dari kastam.

**Semua maklumat telah disediakan oleh MPOB
dan disahkan oleh Unit GST,
Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Putrajaya, Malaysia**

Disediakan oleh



M. AYATOLLAH BIN ABDUL RAHMAN
Pegawai Penyelidik
Unit Penyelidikan Tekno Ekonomi
Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Disahkan oleh



ROKIAH BINTI EMBONG
Timbalan Pengarah Kastam
Sektor Skim Khas, Pertanian & Petroleum
Bahagian GST Ibu Pejabat
Kastam Di Raja Malaysia, Putrajaya